

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang yang disediakan.

Contoh:

Semua **lawatan** yang ingin berurusan di pejabat itu hendaklah menulis nama mereka pada buku yang disediakan.

Jawapan: Pelawat

Soalan:

- i. Puteri Sarah tidak dapat mendengar dengan jelas suara penceramah itu walaupun dia duduk di garisan hadapan.

- ii. Nyamuk aedes mudah membiak di dalam bekas atau takungan yang mempunyai air yang jerneh.

- iii. Para pelancong pastinya akan tertarik oleh pemandangan padi yang berkuning di sepanjang jalan di Sungai Petani itu.

- iv. Abang membeli model terbaharu digital kamera di kedai elektrik itu.

- v. Budak kecil itu memeluk pinggang ibunya padat-padat.

- vi. Orang ramai sangat berpuas hati dengan keenakan masakan di Ahmad Restoran.

- vii. "Saya akan melaksanakan titah perintah tuanku," sembah Panglima kepada baginda sultan
